Konsep Kendiri

Azizi Yahaya

Konsep Kendiri dipelajari . Seperti mana yang diketahui tiada sesiapa yang dilahirkan berserta konsep kendiri. Konsep kendiri beransur-ansur muncul mengikut pertumbuhannya. Konsep kendiri dipelajari mempunyai implikasi iaitu :

Kerana konsep kendiri tidak berupa nalur, tetapi adalah hasil pergaulan dengan masyarakat.

Kerana pengalaman sebelum dan tanggapan kini, individu mungkin melihat dirinya berbeza dengan apa orang lain lihat.

Individu menanggap aspek yang berbeza tentang diri mereka pada masa yang berbeza dengan darjah yang berbeza..

Mana-mana pengalaman yang tidak konsisten dengan dirinya dianggap satu ancaman. Apabila seseorang tidak dapat mengatasi ini maka dia akan berduka.

Konsep kendiri tersusun. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa konsep kendiri mempunyai kualiti yang stabil yang terbit dari susunan dan keharmonian.. Kestabilan dan tersusun memberikan kekonsistensian kepada sahsiah. Ia memerlukan korolari:

Konsep kendiri memerlukan kekonsistensian , kestabilan dan cenderung untuk menentang perubahan. Jika sering berubah individu itu akan kekurangan kekonsistensian. Semakin kuat kepercayaan seseorang itu semakin sukar untuk ia mengubah kepercayaan tersebut.

Di hati konsep kendiri adalah dirinya sebagai pelaku, iaitu 'I' yang berbeza dengan kendiri sebagai objek, kepelbagaian 'me'. Ini membolehkan seseorang untuk memberikan maklum balas kepada peristiwa lalu, analisa tanggapan kini dan membentuk pengalaman akan dating. Tanggapan asas seseorang adalah sangat stabil. Rom tidak dibina dalam sehari dan begitu juga konsep kendiri